

12/04/2001

Matlamat UIAM martabat tamadun Islam

Karim Sulaiman; Hasliza Hassan

BERITA HARIAN (BH): UIAM berusia 18 tahun sejak penubuhannya pada Mei 1983. Bagaimanapun, mengapa baru sekarang hendak dirasmikan. Apakah sebab di sebalik kelewatan yang begitu lama untuk dirasmikan?

PROF: Saya ingin menjelaskan bahawa apabila UIAM didirikan pada 1983, ia ditempatkan di kampus sementara di Petaling Jaya, Selangor iaitu kampus Kolej Islam Malaya, yang dimiliki oleh Lembaga Kolej Islam Malaya. Kerajaan menyewa bangunan dan kampus itu daripada Kolej Islam Malaya.

Pada waktu itu (1983), kita diberitahu bahawa kampus tetap UIAM akan didirikan lima tahun kemudian iaitu 1988. Biasanya kita merasmikan universiti secara rasmi apabila mempunyai bangunan dan kampus sendiri.

Pada 1983, kita menjangka bahawa lima tahun kemudian, kita akan mempunyai kampus tetap dan pada waktu itu barulah ia akan dibuka dengan rasmi.

Rupa-rupanya kampus tetap itu tidak menjadi kenyataan pada 1988. Pada 1989, kita diberitahu bahawa kampus tetap ialah di Gombak, Selangor, bukannya di Bentong, Pahang seperti cadangan. Bagaimanapun, ia kemudian ditukar ke Indera Mahkota, juga di Pahang.

Pada 1989, kita mengadakan majlis pecah tanah kampus tetap UIAM, di Indera Mahkota. Papan tanda yang mengatakan UIAM akan dibangunkan di situ, turut didirikan. Menteri Besar dan Sultan Pahang hadir di majlis itu. Jadi kita menyangka akan berada di Indera Mahkota dalam masa lima tahun lagi dan pembukaan rasmi akan dilakukan setelah bangunan itu siap.

Bagaimanapun, hingga 1990 belum ada tanda-tanda kita akan mempunyai kampus tetap. Pada 1993, upacara pecah tanah kampus itu dibuat di Gombak.

Ini bermakna pada 1991 baru dibuat keputusan bahawa kampus tetap UIAM akan berada di Gombak. Perkara ini menimbulkan banyak rasa tidak puas hati rakyat dan pegawai di Pahang. Bagaimanapun, ini adalah keputusan kerajaan. Kita terima keputusan itu dan barulah kita tahu bahawa kampus tetap UIAM akan berada di Gombak.

Pada 1993, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan batu asas di sini (Gombak).

BH: Selepas Dr Mahathir meletakkan batu asas, projek itu dijalankan hingga sekarang. Boleh Prof nyatakan pelaksanaan projek itu dan kelewatan merasmikan kampus ini?

PROF: Selepas lima tahun, kampus di UIAM siap. Pada 1996 hanya bangunan Fakulti Undang-undang siap dan pada 1997, bangunan Fakulti Ekonomi dan fakulti lain. Bangunan Fakulti Alam Bina dan Reka Bentuk Alam Sekitar akan siap pada bulan ini. Ini adalah bangunan terakhir yang dibina.

Itulah sebabnya kita lewat merasmikan kampus ini. Bukan niat kita mahu berbuat demikian. Kita bukan hendak menunggu sehingga 18 tahun untuk merasmikan kampus ini.

Kita pada peringkat awal, sendiri tidak tahu bila dan di manakah kita akan mempunyai kampus sendiri menyebabkan baru sekarang dapat dibuka secara rasmi. Jadi ini tidak boleh ditafsirkan mengikut kehendak atau keadaan masing-masing, kita kena tahu kenyataan sebenarnya.

Jika kita masih di tempat sementara, mungkin 20 tahun baru buka. Macam mana kita hendak meletakkan tanda perasmian universiti ini jika tidak mempunyai kampus tetap.

BH: Pelajar UIAM begitu lama berada di kampus sementara di Petaling Jaya iaitu hampir 13 tahun. Di kampus lama, kemudahannya tidak selengkap dan canggih di kampus Gombak. Adakah keadaan itu tidak menjejaskan proses

pengajaran UIAM?

PROF: Pengajaran bermula sejak Julai 1983, sebab pengajaran dan pembelajaran tidak gantung kepada pembukaan rasmi.

BH: Pembukaan rasmi UIAM pastinya menjadi kebanggaan kepada universiti ini. Apa sebenarnya yang tersirat dan tersurat dalam falsafah pembukaan UIAM pada 17 April ini?

PROF: Kita mempunyai bangunan dan kampus sendiri. Kita hendak tunjuk kepada dunia Islam dan dunia akademik bahawa datanglah melihat universiti ini yang telah siap. Kita berfungsi dengan baik.

Pada perasmian ini nanti, kita menjemput beratus-ratus Naib Canselor seluruh dunia dan pemimpin institusi pengajian tinggi dan pemimpin negara untuk melihat dengan lebih dekat kampus ini. Kita hendak mereka menghargai UIAM dan yakin bahawa ia telah dapat melahirkan pelajar, kurikulum pengajian berserta bangunan dan kemudahan bermutu tinggi.

Ini adalah sesuatu yang melonjakkan nama dan kehadiran UIAM dalam dunia akademik antarabangsa. Sebab itu, kita pastikan bahawa Setiausaha Agung Pertubuhan Islam Antarabangsa (OIC) yang baru hadir pada hari perasmian sebab UIAM mendapat sokongan daripada OIC pada 1983, selain tujuh negara lain dalam OIC.

BH: Kewujudan UIAM yang berjaya melahirkan cerdik pandai Islam dalam pelbagai bidang mendapat sanjungan bukan saja dalam negara, malah orang asing. Penubuhan UIAM juga penting bagi membuktikan bahawa Kerajaan Malaysia menitikberatkan pendidikan Islam bukan di peringkat dalam negara, malah antarabangsa. Sehubungan itu, timbul pula dakwaan yang bukan-bukan mengenai idea penubuhan UIAM. Ada pihak yang mendakwa mereka sebenarnya yang memberikan idea sehingga wujudnya UIAM. Boleh Prof jelaskan persoalan ini?

PROF: Apa yang menjadi masalah ialah kemungkinan kekeliruan di antara idea untuk menubuhkan sebuah universiti Islam di Malaysia dengan penubuhan universiti itu sebagai satu realiti fizikal. Kekeliruan ini yang menimbulkan persoalan dan tanda tanya.

Penubuhan universiti sebagai satu realiti fizikal dibuat oleh Dr Mahathir dan Kerajaan Malaysia pada 1983, selepas pada akhir 1982, Perdana Menteri menyatakan ingin mendirikan sebuah universiti Islam antarabangsa di Malaysia paling lewat pada Mei 1983.

Alhamdulillah pada Mei 1983, universiti Islam menjadi kenyataan walaupun kampus tetap masih belum didirikan. Sejak 1983 hingga sekarang Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri yang membiayai universiti ini dari dulu hingga sekarang.

Apa yang menjadi masalah ialah idea atau cadangan dan tuntutan supaya Malaysia mempunyai sebuah universiti Islam atau kerajaan mendirikan sebuah universiti Islam di Malaysia.

Tuntutan itu telah lama wujud iaitu sebelum 1982. Ini ada kaitan dengan kewujudan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1970. Sebelum itu banyak sekali desakan dan tuntutan daripada cendekiawan Islam di Malaysia, luar negara, pertubuhan Islam, pertubuhan bukan kerajaan, mahasiswa dan ulama menuntut supaya sebuah universiti Islam diwujudkan di Malaysia.

Pada masa, sama wujud pula tuntutan dan desakan supaya didirikan sebuah universiti kebangsaan yang akan mendaulatkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar. Tuntutan itu adalah realisasi daripada cita-cita pejuang bahasa kebangsaan dan Melayu di Malaysia. Oleh itu, wujud pertembungan dan persaingan di antara dua tuntutan itu.

Pada masa itu, tidak disebut UIAM tetapi sebuah universiti Islam di Malaysia. Akhirnya aliran kebangsaan mendapat tempat, lalu tertubuhlah UKM pada 18 Mei 1970. Sebagai satu usaha untuk meningkatkan pendidikan Islam, Fakulti Islam diwujudkan di UKM sebagai satu daripada fakulti yang disediakan.

Namun cita-cita untuk melihat sebuah universiti Islam tersendiri masih belum dipenuhi. Mereka yang memperjuangkan universiti Islam berasa bahawa fakulti Islam tidak mencukupi dan inginkan sebuah universiti Islam itu sendiri.

BH: Jika begitu bagaimana pula dengan tuntutan supaya diwujudkan sebuah universiti Islam tersendiri. Siapa pula yang menggerakannya?

PROF: Datuk Seri Anwar Ibrahim dibawa masuk Umno oleh Dr Mahathir pada 1982. Di sini saya mahu jelaskan, saya tidak tahu apa-apa perjanjian atau perbincangan atau rancangan yang membabitkan Anwar pada masa itu dengan Dr Mahathir atau kerajaan atau dengan Umno. Itu saya tidak tahu.

Apa yang saya tahu, pada akhir 1982, Dr Mahathir memanggil Tan Sri Dr Sulaiman Daud yang ketika itu Menteri Pendidikan ke pejabatnya. Saya, ketika itu Ketua Jabatan Usuludin dan Falsafah UKM, menerima panggilan daripada Dr Sulaiman untuk ke pejabat Perdana Menteri.

Dr Sulaiman mengajak saya pejabat PM sebab Dr Mahathir hendak membincangkan sesuatu mengenai universiti. Kami tidak diberitahu lanjut mengenai perkara itu. Jadi saya pun pergi bersama Dr Sulaiman, Ketua Pengarah Pendidikan dan Ketua Bahagian Pendidikan Islam di Kementerian Pendidikan menemui Dr Mahathir. Jadi kami berempat berhadapan dengan PM dan Dr Mahathir memberitahu kami hasratnya untuk mendirikan sebuah universiti Islam antarabangsa pada Mei 1983.

Jadi proses untuk tujuan itu berjalan. Pada ketika itu, Anwar hanya Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Selepas itu, PM melantik Perdana Menteri ketiga, Tun Hussein Onn sebagai Presiden pertama UIAM. Hussein dengan Dr Abdul Raof dan Dr Ariffin Suhaimi banyak bertungkus-lumus menyempurnakan rancangan itu.

Kemudian, Hussein meninggal dunia dan Anwar dilantik menjadi Presiden pada 1988.

Di situ jelas fungsi Anwar sebagai Presiden UIAM dan beliau memberi sokongan memajukan universiti di bawah pimpinan rektor baru Dr Abdul Hamid Abu Sulayman yang beliau bawa dari Amerika Syarikat ke Malaysia. Beliau bertugas hampir 10 tahun dari 1988-98.

Beliau warga Arab dan bermastautin di Amerika. Anwar pujuk beliau datang untuk jadi rektor dan sebagai rektor beliau banyak berjasa dalam mengembangkan sistem akademik dan juga membuat perancangan untuk perpindahan ke kampus Gombak. Anwar sebagai Menteri Pendidikan pada masa itu kemudian sebagai Menteri Kewangan banyak membantu dalam mempercepatkan proses penyempurnaan kampus di Gombak. Bagaimanapun, Anwar adalah sebahagian daripada kerajaan Dr Mahathir.

Apa yang jelas Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri menggunakan tekad politik untuk menubuhkan sebuah universiti Islam antarabangsa dan Anwar pada masa itu Timbalan Menteri di JPM dalam kerajaan Dr Mahathir. Dan apabila dilantik sebagai Presiden, beliau sebagai menteri dalam kerajaan Dr Mahathir.

Sebelum 1982 dan sebelum atau setelah masuk Umno, apakah fungsi Anwar terhadap penubuhan ini saya tidak tahu. Saya cuma ceritakan apa yang saya tahu, Perasmian ini bukan untuk menafikan jasa Anwar atau orang lain kerana ramai yang berjasa. Perasmian ini bukan untuk menafikan jasa orang yang terdahulu kerana ramai orang yang terbabit dalam penubuhan UIAM bukan individu tertentu.

BH: UIAM mempunyai fungsi penting bagi mengembalikan kegemilangan dan kecemerlangan agama Islam, termasuk di seluruh dunia melalui pendidikan di universiti ini. Bolehkah Prof jelaskan lebih lanjut mengenai visi dan misi itu.

PROF: Visi kita untuk menjadikan universiti ini sebuah pusat pengajian tinggi cemerlang bagi mengembalikan semula fungsi Islam yang dinamik dan progresif dalam semua bidang ilmu pengetahuan. Ini adalah bagi kepentingan

umat Islam di Malaysia dan seluruh dunia.

Untuk mencapai visi ini, kita perlu memenuhi beberapa matlamat atau misi iaitu gabungan ilmu agama dan keduniaan. Matlamat antarabangsa iaitu mencapai piawaian sebuah universiti kelas dunia yang tidak kurang daripada universiti terbaik dunia dengan menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar, selain Bahasa Arab dalam bidang tertentu.

Matlamat Islamisasi dalam bidang ilmu pengetahuan, yang mana ilmu tertentu perlu disesuaikan dengan pandangan semasa Islam dan prinsip Islam, terutama dalam bidang ilmu sains sosial dan kemanusiaan.

Selain itu, Islamisasi merujuk kepada penghayatan nilai dan akhlak Islam di kalangan pelajar dan kakitangan universiti.

Islamisasi juga menuntut kecemerlangan menyeluruh, kecemerlangan intelektual, moral, fizikal dan sebagainya. Ini adalah misi yang perlu dipenuhi sebelum kita dapat menjadikan visi yang saya sebutkan tadi sebagai satu pusat pengajian tinggi yang cemerlang untuk seluruh dunia Islam, sebagai kenyataan.

BH: Kita lihat UIAM cuba menerapkan pendekatan Islam. Tetapi masalah yang kerap kita hadapi ialah pandangan masyarakat sama ada dalam atau luar mengenai Islam itu sendiri. Mereka beranggapan bahawa apabila dikaitkan dengan Islam, pastinya menjurus kepada ilmu akhirat semata-mata. Orang seumpama ini, kadang kala turut menganggap UIAM sebagai sekolah pondok bertaraf tinggi. Bagaimana kita hendak mengubah pandangan sesetengah pihaknya ini mengenai fungsi UIAM?

PROF: Apabila kita sebut Islamisasi, kita bercakap mengenai memenuhi tuntutan Islam berdasarkan kualiti dan kesempurnaan menyeluruh. Islam mahu umatnya menjadi umat terbaik dalam semua segi. Islamisasi bukan bererti belajar ilmu agama, itu fardu ain semata-mata, malah memenuhi tuntutan fardu kifayah. Jadi Islamisasi ialah menyempurnakan tuntutan Islam secara menyeluruh, termasuk penguasaan ilmu pengetahuan. Jika orang lain dapat menguasai, kita patut berada lebih depan lagi sebab kita ialah umat yang seharusnya terbaik dalam bidang ilmu pengetahuan.

Jangan kita faham Islamisasi dalam pengertian sempit. Islamisasi bererti memenuhi tuntutan Islam sebagai sebuah tamadun ilmu yang merangkumi semua jenis ilmu tuntutan menjadi pemimpin dalam semua bidang. Tuntutan supaya kita melakukan yang baik dan menganjurkan segala yang baik. Itulah proses Islamisasi bukan kita beri label Islam semata-mata.

BH: Mengapa tidak ramai pelajar bukan Islam yang belajar di sini, apakah sebab Islam itu menakutkan mereka?

PROF: UIAM mempunyai visi untuk mengembalikan fungsi umat Islam. Maka UIAM dikhususkan untuk generasi muda Islam untuk menghayati ajaran Islam, visi dan beragama Islam. Tetapi ini tidak menutup peluang kepada bukan Islam. Kita juga menerima pelajar bukan beragama Islam yang sanggup memikul kurikulum UIAM yang mewajibkan Bahasa Arab dan mata pelajaran agama Islam untuk lulus. Ini mungkin tidak menarik bagi sesetengah bukan Islam. Orang Islam pun sesetengahnya takut juga apabila mendengar mesti lulus Bahasa Arab.

Kita tidak mengambil ramai pelajar bukan Islam kerana UIAM didirikan untuk membangunkan semula keagungan generasi silam Islam, jadi tempat istimewa diberi kepada orang Islam. Bukan Islam tidak menghayati Islam dan mereka tidak dapat menterjemahkan visi itu dalam hidupnya. Oleh itu, mereka boleh memilih universiti lain, yang tidak ada kena mengena dengan agama Islam. Ini kerana pelajar perlu ada asas agama penting untuk menjadi agen perubahan dalam masyarakat. Mereka perlu menghayati agama Islam dan menghayati etika agama Islam.

Jika tidak, mereka hanya datang untuk mendapatkan ijazah tetapi tidak dapat melaksanakan cita-cita dan wawasan UIAM. Jadi ada yang datang dan lulus dan kemudian bekerja sebagai peguam dan ahli ekonomi, tahu sedikit

sebanyak Bahasa Arab dan Islam tetapi setakat itu. Golongan ini, tidak boleh berfungsi dalam mengembalikan kedinamikan Islam kerana tidak menghayati ajaran dan visi Islam.

BH: Jika begitu keadaannya, adakah sistem yang di UIAM sekarang kurang berkesan untuk mendidik mereka bagi memenuhi visi universiti ini?

PROF: Kita mempunyai wawasan, tempat belajar dan kursus yang baik, tetapi kita tidak boleh paksa mereka untuk menghayatinya. Contohnya, kita menyediakan masjid di sini. Bagi hati mereka yang dekat dengan masjid, duduk dua batu pun datang, tetapi bagi mereka yang tidak berasa ada kaitan dengan masjid, duduk tepi masjid pun dia tidak datang.

Apa yang kita buat ialah menyediakan prasarana untuk pelajar menjadi manusia kamil di antara unsur agama dan keduniaan, soal untuk jadi atau tidak itu hak mereka.

Kita ada kursus, program tidak formal di masjid. Kita buat usrah. Kita buat macam-macam untuk menjadikan pelajar UIAM cemerlang dalam segalanya, di dunia dan akhirat.

Kita juga perlu menyedari bahawa universiti adalah peringkat terakhir dalam proses pendidikan. Sebenarnya, tidak banyak kita boleh ubah manusia pada tahap terakhir, perubahan banyak berlaku di peringkat kanak-kanak dan peringkat belia. Tetapi jika sudah lanjut umur, karektor sudah terbentuk dan kita boleh ubah sedikit sebanyak, hendak ubah terus menerus tidak boleh. Itu tanggungjawab ibu bapa. Di institusi, apa yang kita terima adalah benda yang sudah siap, cuma yang kita harap biarlah dia ini dapat mewarnai falsafah kita.

Tetapi kita tidak kecewa sebab matlamat kita jika dapat 30 peratus yang menghayati falsafah kesepaduan dan mencerminkan perwatakan bersepadu di antara ilmu dan akhlak, jadi manusia yang baik dan profesional cekap, Alhamdulillah. Graduan kita sebahagiannya memenuhi hasrat kita.

BH: UIAM adalah universiti Islam unggul dan unik. Bagaimana kita mahu mengekalkan status antarabangsa UIAM?

PROF: Untuk mengekalkan status, kita perlu meningkatkan mutu dalam semua bidang pengajaran, penerbitan, penyelidikan dan kemudahan. Status antarabangsa tidak akan berubah kerana UIAM didirikan sebagai universiti antarabangsa mengikut perlembagaannya.

Bagi saya bukan label yang penting tetapi mutu itu yang menentukan status antarabangsa. Saya tidak mahu UIAM nama saja antarabangsa, tetapi kenyataannya lebih teruk daripada universiti tempatan.

BH: Akhir sekali, apakah harapan Prof sempena pembukaan rasmi UIAM?

PROF: Saya mengharap UIAM akan memainkan fungsi lebih besar dalam bidang penyelidikan yang menyumbang secara langsung kepada kemajuan negara, umat Islam dan sekali gus dapat meningkatkan martabat tamadun Islam sebagai tamadun ilmu dan budi. Oleh itu, agenda penyelidikan perlu dipertingkatkan, mutu penerbitan, pengajaran, wacana intelektual pelajar perlu dipertingkatkan supaya mereka dapat berbicara pada tahap intelektual yang dihormati oleh dunia.

Apa yang kita hendak tengok ialah pelajar dapat mengangkat citra mereka kepada persoalan isu besar dan berbicara dengan ilmiah, rasional serta atas dasar ilmu dan pengetahuan terkini. Mereka juga perlu berani berhadapan dengan orang yang tidak bersetuju tetapi penuh dengan budi dan akhlak ketika berinteraksi dengan manusia lain dengan berpegang teguh kepada ilmu dan pemikiran rasional. Itulah harapan saya untuk lima tahun akan datang.

(END)